

KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor bumiputera yang berdaftar serta berkelayakan untuk membuat tawaran bagi kerja berikut:

Ruj.	Tajuk	Syarat Pendaftaran	Taklimat Tender	Harga Dokumen	Tempoh Jualan Dan Pengambilan Dokumen	Tempat, Tarikh Dan Waktu Tutup Tender
LLM/UB/TN-1/1/1/26	CADANGAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BANGUNAN, MEKANIKAL DAN ELEKTRIK, SENITAMAN SERTA KERJA-KERJA PEMBAIKAN KECIL DI WISMA LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA, KAJANG, SELANGOR DARUL EHSAN (2026-2028)	Berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G6 Kategori F Pengkhususan F01 Mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) Sijil Taraf Bumiputera (STB) Dan Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate (TCC))	Tarikh: 19 Januari 2026 Masa: 10.00 Pagi Tempat bagi melapor diri bagi taklimat tender adalah: Tempat: Auditorium Blok B, Ibu Pejabat LLM KM. 6 Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang Selangor. No. Tel Untuk Dihubungi: 03-8738 3033/3106 (KEHADIRAN TAKLIMAT TENDER ADALAH DIWAJIBKAN) <u>Hanya penama</u> di dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perakuan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB) sahaja yang boleh menghadiri sesi taklimat tender. Wakil selain daripada penama adalah tidak dibenarkan. Kontraktor perlu membawa bersama sijil asal dan salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perakuan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC) berserta kad pengenalan semasa menghadiri sesi taklimat.	Harga dokumen adalah sebanyak RM300.00 setiap naskah dan tidak dikembalikan. Bayaran hendaklah dibuat atas nama Ketua Pengarah LLM dengan menggunakan ‘LLM Payment Gateway Service’ di laman web rasmi LLM iaitu melalui pautan pembelian online yang dipaparkan dalam iklan ini. Hanya kontraktor yang menghadiri taklimat tender dibenarkan membeli dokumen. Sebarang pertanyaan mengenai pembelian boleh menghubungi talian 03-8738 3033/3106 (Bahagian Ukur Bahan Dan Kontrak).	<u>Tempoh Jualan:</u> 19 Januari 2026 hingga 3 Februari 2026 <u>Pengambilan Dokumen Yang Telah Dibeli:</u> Bahagian Ukur Bahan Dan Kontrak, Tingkat 1, Blok A, Lembaga Lebuhraya Malaysia, KM 6, Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang, Selangor <u>Isnin - Khamis :</u> 8.30 pagi – 1.00 tengahari 2.00 petang – 4.30 petang <u>Jumaat :</u> 8.30 pagi – 12.15 tengahari 2.45 petang – 4.30 petang <u>*PERHATIAN:</u> Sila cetak resit bayaran sebagai bukti apabila mengambil dokumen di kaunter Bahagian Ukur Bahan Dan Kontrak, Tingkat 1, Blok A, Ibu Pejabat LLM, KM. 6, Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang Selangor.	Bahagian Ukur Bahan Dan Kontrak, Tingkat 1, Blok A, Ibu Pejabat LLM, KM. 6, Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang, Selangor. Tel: 03-8738 3033/3106 <u>Tarikh tutup:</u> 9 Februari 2026 jam 12.00 tengahari Tawaran hendaklah diterima sebelum atau pada tarikh tutup di atas. Tawaran yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan. Bukti penghantaran melalui pos tidak boleh dijadikan sebagai bukti pengemukaan dokumen tawaran pada tarikh tutup tawaran.

- Syarat-syarat, arahan dan maklumat lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Tawaran dan boleh diperolehi di alamat sepertimana yang dinyatakan di atas.
- Dokumen Tawaran** akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang telah diberi kuasa dengan sepenuhnya sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa bersama-sama Surat Perwakilan Kuasa dan mengemukakan **salinan asal Sijil Perakuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Sijil Perakuan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB) dan Sijil Pematuhan Cukai (TCC)** yang masih berkuatkuasa dan satu salinan pendua bagi sijil-sijil berkenaan serta bukti pembayaran pembelian dokumen semasa mengambil Dokumen Tawaran.
- Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.
- Semua perbelanjaan yang terlibat untuk membuat tawaran atau tender berkenaan atau apa-apa perbelanjaan bersangkutan dengannya adalah menjadi tanggungan syarikat sepenuhnya. Pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa jua kos yang terlibat dan tidak bertanggungjawab untuk membayar balik apa-apa kos yang ditanggung oleh pihak syarikat.